

**Kehadiran Najib Catat Sejarah Kepada Penduduk Perkampungan Juru
Bernama
30 April, 2013**

BUKIT MERTAJAM, 30 April (Bernama) -- Kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ke kawasan Perkampungan Juru di sini menjadi sejarah kepada penduduk di sini kerana pertama kali pemimpin nombor satu negara melawat kawasan berkenaan.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang Teng Chang Yeow berkata kehadiran Najib di kawasan Bukit Tengah juga mendapat sambutan luar dugaan.

"Sambutan yang diterima juga sangat menggalakkan apabila penduduk Perkampungan Juru di sini terpaksa berdiri di luar khemah kerana tempat duduk yang disediakan dipenuhi orang berhampiran yang tinggal di sekitar Batu Kawan," katanya semasa berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di tapak pasar malam Perkampungan Juru di sini Selasa.

Lebih 10,000 orang hadir pada majlis yang dirasmikan perdana menteri itu. Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Menteri Pelancongan Datuk Seri Dr Ng Yen Yen.

Perkampungan Juru yang didiami lebih 500 keluarga Cina itu terletak dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Tengah dan Parlimen Batu Kawan.

Teng yang juga calon BN bagi DUN Bukit Tengah berkata beliau menunaikan janjinya kepada penduduk kawasan itu apabila membawa perdana menteri datang untuk mendengar masalah mereka.

"Saya percaya Datuk Seri Najib yang sentiasa dahulukan rakyat akan mendengar masalah kita dan pasti ada pengumuman penting untuk penduduk di sini," katanya.

DUN Bukit Tengah menyaksikan pertandingan tiga penjurua pada pilihan raya umum ke-13 antara Teng, calon PKR Ong Chin Wen dan calon Bebas A Mohan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946507>